



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ; REBUTLAH PELUANG DI 10 AKHIR RAMADHAN



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"REBUTLAH PELUANG DI 10 MALAM RAMADHAN".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَلِكُلِّ وَجْهٍ هُوَ مُوَلِّيهَا فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.¹	
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	4
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "REBUTLAH PELUANG DI 10 AKHIR RAMADHAN".	6

¹ Al-Baqarah: 148.



Sangat pantas masa berlalu, Ramadhan yang kita nantikan saban tahun kini berada di penghujungnya. Kita telah pun memasuki sepuluh malam terakhir, malam-malam pecutan amal yang barangkali menjadi peluang terakhir untuk kita meraih keampunan dan rahmat Allah SWT dalam kehidupan dunia ini.	7
Suka khatib ingatkan bahawa, bulan ini adalah medan muhasabah dan peluang keemasan yang tiada jaminan akan berulang kembali. Oleh itu, rebutlah peluang dengan sebaik mungkin pada 10 akhir Ramadhan ini untuk kita bersama-sama bermuhasabah dan menilai diri, adakah kita sekadar melalui Ramadhan dengan sambil lewa, atau benar-benar menghayati maqasid (tujuan utama) yang terkandung di dalamnya?	8
Apabila tibanya sepuluh malam terakhir, Nabi SAW tidak lagi beribadah seperti kebiasaan, bahkan Baginda SAW menghidupkan malam-malamnya dengan <i>qiyam</i>, doa dan munajat yang penuh kesungguhan. Hadis yang diriwayatkan daripada Aisyah <i>Radiallahuanha</i>, beliau berkata: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرُ، أَحْيَا اللَّيْلَ، وَأَيَقَظَ أَهْلَهُ، وَجَدَّ وَشَدَّ الْمُنَزَّرَ	9
<i>"Rasulullah SAW apabila masuk sepuluh malam terakhir (Ramadhan), Baginda menghidupkan malam, membangunkan keluarganya dan memperketatkan kainnya (bersungguh-sungguh dalam ibadah)."</i> <i>(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).</i>	10



Daripada hadis ini dapat kita perhatikan, Rasulullah SAW tidak hanya mengejar fadilat ibadah secara sendirian, bahkan Baginda SAW membangunkan ahli keluarganya agar sama-sama merebut kelebihan malam-malam tersebut. Ini menunjukkan bahawa suasana ibadah perlu dipupuk dan dihidupkan dalam institusi keluarga dan masyarakat.

11

Ketahuiilah, sepuluh malam terakhir juga terkandung di dalamnya satu malam yang agung, di mana ganjaran beramal pada malam itu melebihi seribu bulan. Itulah yang disebut sebagai malam al-Qadar.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Qadr ayat 3:

12

لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ.

"Malam kemuliaan itu lebih baik daripada seribu bulan."

Cara Rasulullah SAW memburu malam al-Qadar adalah dengan memperbanyakkan *qiyamullail* dan doa sebagaimana sabdanya yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *Radiallahuanhu*:

13

مَنْ يَقُمْ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

"Sesiapa yang mendirikan (beribadah pada) malam al-Qadar dengan penuh keimanan dan mengharapkan keredhaan, diampunkan baginya dosa-dosanya yang telah lalu."

14

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).



Dalam mengejar keberkatan malam ini juga, Rasulullah SAW mengajarkan bahawa doa memohon keampunan adalah amalan yang utama.

Hadis yang diriwayatkan daripada Aisyah *Radiallahuanha*, beliau bertanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَرَأَيْتَ إِنْ عَلِمْتُ أَيَّ لَيْلَةٍ لَيْلَةُ الْقَدْرِ، مَا أَقُولُ فِيهَا؟ قَالَ:
قُولِي: اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوفٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي

15

"Ya Rasulullah, jika aku mengetahui yang mana satukah Lailatul Qadar, apakah yang perlu aku baca?" Baginda bersabda: "Bacalah: Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pemaaf, Engkau suka memberi kemaafan, maka maafkanlah aku."

(Riwayat al-Tirmizi).

16

Antara amalan lain, Rasulullah SAW juga mengamalkan iktikaf di masjid pada sepuluh malam terakhir Ramadhan. Iktikaf adalah sunnah yang sangat dituntut, kerana ia memberi peluang untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, memperbanyakkan ibadah dan menenangkan hati daripada gangguan dunia.

Hadis yang diriwayatkan daripada Aisyah *Radiallahuanha* yang bermaksud:

"Sesungguhnya Nabi SAW beriktikaf pada sepuluh malam terakhir Ramadhan sehingga Baginda diwafatkan oleh Allah SWT."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

17



Melalui iktikaf, Rasulullah SAW mengajar kita bahawa sepuluh malam terakhir Ramadhan adalah kesempatan terbaik untuk memusatkan hati pada Allah SWT, memperbanyak amal soleh, dan menjemput rahmat serta keampunan-Nya.	18
Bersempena dengan bulan penurunan al-Quran dan juga merebut fadilat lailatul qadar, khatib ingin menzahirkan rasa dukacita apabila kitab suci umat Islam dihina oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Mushaf al- Quran bukan sekadar lembaran kertas, tetapi merupakan mukjizat agung dan kemuliaan umat Islam. Khatib menyeru agar tindakan tegas diambil oleh pihak berkuasa, supaya perkara sama tidak berulang, dalam masa yang sama proses mendidik masyarakat mesti diteruskan, agar budaya menghormati kesucian agama terus difahami dan diamalkan. Selain itu, kita hendaklah menggunakan sebaiknya peluang 10 terakhir Ramadhan ini, untuk bermunajat dan berdoa kepada Allah SWT, agar kemuliaan Islam sentiasa terpelihara.	19
Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita sama-sama menghayati pengajaran yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian: 1. Umat Islam hendaklah bersungguh-sungguh mengejar fadilat Ramadhan dengan memanfaatkan sepuluh malam terakhir untuk meningkatkan ibadah, memperbanyak doa, <i>qiyamullail</i>, dan munajat kepada Allah SWT. 2. Umat Islam hendaklah meyakini kelebihan malam al-Qadar, di mana ganjaran setiap amalan pada malam itu melebihi seribu bulan, dan tiada siapa dapat menjamin sama ada peluang tersebut bakal berulang buat kita atau sebaliknya. 3. Umat Islam hendaklah menghidupkan suasana ibadah bersama-sama ahli keluarga dan masyarakat, dengan saling menasihati dalam kebaikan dan menjadikan setiap amal soleh sebagai inspirasi bagi orang lain untuk turut sama mendekatkan diri kepada Allah SWT.	20



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ.	21
<i>"Dan segeralah kamu (mengerjakan amal kebaikan untuk) mendapatkan keampunan daripada Tuhanmu dan syurga yang luasnya seluas segala langit dan bumi yang disediakan bagi orang yang bertakwa."</i> (Surah Ali-'Imran: 133).	22
بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	30
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ	31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ هُدًى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Sebagai makluman, penentuan awal bulan Islam adalah bergantung kepada kenampakan dan data kedudukan anak bulan di satu-satu negara. Perbezaan matla' rukyah di setiap negara akan membawa perbezaan kepada penentuan awal bulan Islam termasuk bulan Syawwal.
5	Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah <i>Radiallahuanhu</i> bahawa Rasulullah SAW bersabda: صُومُوا لِرُؤُوتِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤُوتِهِ فَإِنْ غُمِّيَ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا الْعَدَدَ
6	"Berpuasalah apabila kelihatan anak bulan (Ramadhan) dan berbukalah (sambutlah Eidulfitri) apabila kelihatan anak bulan (Syawwal). Tetapi jika ia tidak kelihatan maka sempurnakanlah bilangan (30 hari)" (Riwayat Muslim).



Di Malaysia khususnya di negeri Selangor, cerapan hilal Syawwal akan diadakan pada hari Khamis 29 Ramadhan 1447 Hijri bersamaan 19 Mac 2026, manakala penentuan 1 Syawwal 1447 Hijri tertakluk kepada pengisytiharan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja sejurus selepas proses cerapan sempurna dilaksanakan	7
Di sini juga khatib ingin menasihatkan, agar semua umat Islam kekal fokus menggandakan ibadah di sepuluh akhir Ramadhan, serta menyerahkan tanggungjawab penentuan awal Syawwal kepada pihak yang berautoriti.	8
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.²	9
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	10
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.	11
اللَّهُمَّ أعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَ الدِّينِ، وَاجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.	12

² Al-Ahzab: 56.



13	اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوَلَاةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.
14	اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ بِاَسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،
15	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ،
16	وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُوَلِّيْ عَهْدَ سَلَاطُوْر، تَغْثُ كُوْا اَمِيْرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ.
17	اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.
18	Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk penyelewengan, kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.



Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah seperti jenayah membunuh, perbuatan buli serta menzalimi orang lain. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.	19
Ya Allah! Kami memohon perlindungan-Mu daripada kejahatan para musuh dan pengkhianat. Peliharalah kami daripada godaan syaitan dan tentera-tenteranya serta bimbinglah kami untuk sentiasa istiqamah melaksanakan segala perintah-Mu dan meninggalkan segala larangan-Mu.	20
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.³	21
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁴	22
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	23

³ Al-Baqarah: 201.

⁴ Al-Nahl: 90.